

JAMINAN INSURANS PEKERJA ASING

Helaian Pendedahan Produk

(*Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Jaminan Insurans Pekerja Asing. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.*)

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Jaminan Insurans Pekerja Asing merupakan satu jaminan yang diwajibkan oleh Jabatan Imigresen di bawah Peraturan 21 daripada Peraturan Imigresen. Di bawah peraturan ini, Majikan perlu mendapatkan jaminan ini sebagai satu deposit sekuriti bagi pekerja-pekerja asing yang diupahkan oleh mereka di dalam pelbagai sektor kerja.

Sekiranya mana-mana pekerja asing dihantar balik ke negara asal mereka, insurans ini akan berfungsi sebagai satu jaminan kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen sehingga jumlah agregat maksimum nilai jaminan itu.

Jaminan Insurans yang ditawarkan di bawah skim ini tidak termasuk pembantu rumah asing.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jumlah jaminan dan tempoh insurans adalah ditetapkan terlebih dahulu oleh Jabatan Imigresen mengikut kewarganegaraan pekerja itu. Jumlah jaminan adalah di antara RM250 dan RM1,500 bagi setiap pekerja asing, bergantung kepada kewarganegaraannya. Permit kerja adalah diberi bagi tempoh selama 13, 18 atau 26 bulan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Kadar premium adalah 1% daripada jumlah jaminan setiap tahun tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM54.00 (termasuk Cukai Perkhidmatan). Premium mesti dibayar dengan sepenuhnya kepada kami atau ejen yang diberi kuasa sebelum tarikh berkuatkuasa polisi ini.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Amaun</u>
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium
• Komisen yang dibayar kepada Penasihat Insurans	• 10% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.



5. Apakah prosedurnya?

- Orang Yang Diinsuranskan/Majikan mesti lengkapkan borang permohonan dengan maklumat penuh pekerja asing (seperti salinan pasport atau permit) berserta dengan bayaran premium.
- Surat Ganti Rugi yang dilengkapkan/ditandatangani oleh Majikan, disaksikan oleh seorang Pesuruhjaya Sumpah.

6. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Jaminan Insurans Pekerja Asing sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)
Pusat Khidmat Pelanggan:
Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel : (603) 2050 8228
Fax : (603) 2026 8086
Customer Service Hotline: 1-800-88-MSIG (6744)
E-mail: myMSIG@my.msig-asia.com

7. Lain-lain jenis perlindungan insurans pekerja asing yang disediakan :

- Skim Kemasukan Hospital Dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)
- Pekerja Asing Insurans Kemalangan Diri (FWPA)

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 1 Mac 2024.